

01 SEP 2001

Mahathir-KMM

KMM CADANG TUBUH NEGARA ISLAM LIPUTI TIGA NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kumpulan Militan Malaysia mempunyai rancangan untuk mewujudkan sebuah negara Islam yang menyatukan Malaysia-Indonesia-Filipina.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa KMM mempunyai hubungan dengan kumpulan tertentu di Indonesia dan Filipina.

"Cita-cita mereka ini cukup besar tetapi tidak realistik," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai KMM selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Awal bulan lepas polis Malaysia menangkap 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana didakwa terlibat dengan kegiatan KMM yang mengancam keselamatan negara.

Seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, 26, yang ditahan di Indonesia berhubung kejadian pengeboman dua buah gereja di Jakarta dan sebuah kompleks membeli belah, turut disyaki pihak berkuasa Malaysia terlibat dengan KMM.

Dr Mahathir berkata kegiatan KMM itu amat serius tetapi "malangnya kami belum lagi boleh membuat pendedahan mengenai semuanya...saya telah diberikan maklumat tertentu dan saya fikir ia amat serius," katanya.

Beliau berkata langkah KMM untuk menubuhkan sebuah negara Islam timbul daripada idea bahawa Malaysia bukannya sebuah negara Islam dan ia sedang ditadbir oleh kafir dan disebabkan itu kerajaan yang ada patut digulingkan.

Perdana Menteri berkata sesetengah orang percaya dengan usaha menggulingkan kerajaan melalui kaedah demokratik, dengan menggunakan peti undi, tetapi mereka yang ekstrim percaya satu-satunya cara ialah dengan berlawan.

Katanya kebanyakan anggota KMM terlibat dalam peperangan di Afghanistan dan tempat lain.

Dr Mahathir juga berkata satu kajian oleh kerajaan terhadap lebih daripada 300 pelajar Melayu di universiti mendedahkan bahawa sepanjang masa terdapat satu kumpulan pelajar yang tidak menganggap diri mereka sebagai orang Melayu, tetapi orang Islam, walaupun mendapat peluang masuk universiti di bawah kategori bangsa Melayu.

Mereka malahan tidak faham dengan maksud "persaudaraan dalam Islam" dan terlalu taksud dengan idea membenci kerajaan yang mereka percaya bukan sebuah kerajaan Islam, katanya.

-- BERNAMA

HK ES RON